

Pupuk Budaya Hormat-Menghormati Di Tempat Kerja

Keharmonian di tempat kerja perlu bermula dengan sikap hormat-menghormati kerana kita menghabiskan masa selama 10 jam berada di tempat kerja. Bayangkan jika suasana bekerja penuh dengan perasaan dengki, dendam, amarah dan saling tidak puas hati, sudah tentulah produktiviti bekerja akan terganggu. Jangan kita gemar mencari kesilapan dan kelemahan rakan sekerja kerana perkara itu sudah tentu akan menimbulkan pelbagai perkara negatif. Sebagai rakan sekerja juga, kita hendaklah menggunakan bahasa yang agak sopan ketika berinteraksi sesama rakan.

Marilah bersama-sama memupuk budaya hormat-menghormati di tempat kerja!

Ingat, jika kita ingin dihormati, belajarlah untuk menghormati. Mudah saja bukan?

Hormat-Menghormati

"Jari menari bukan untuk mencaci,
Mulut berbunyi bukan untuk membenci,
Marilah saling hormat-menghormati"

*"Best way to earn respect is...by treating others
with respect"*